



DASAR ANTI RASUAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) komited dalam melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah kepada semua kakitangan dan pihak berkepentingan ke arah pencapaian perkhidmatan yang cecap dan berintegriti.

JKKP tidak akan bertoleransi terhadap semua bentuk rasuah dan komited untuk:

- a) Memerangi rasuah dan mengekalkan persekitaran kerja bebas rasuah bagi semua kakitangan dan pihak berkepentingan;
- b) Memenuhi keperluan pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016;
- c) Menegakkan dan mematuhi undang-undang anti rasuah yang berkaitan seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009, Kanun Keseksaan, dan lain-lain peraturan dan arahan yang berkaitan;
- d) Menyediakan program untuk menetapkan, menyemak dan mengukur pencapaian objektif ABMS;
- e) Menyediakan saluran bagi menggalakkan pelaporan berkenaan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) dan melindungi identiti pemberi maklumat;
- f) Menggalakkan supaya sebarang pemberian, permintaan, dan penerimaan, rasuah kepada/daripada kakitangan JKKP oleh mana-mana orang dilaporkan kepada Unit Yang Bertanggungjawab;
- g) Memastikan penilaian semula dan penambahbaikan ABMS dilaksanakan secara berterusan;
- h) Unit Yang Bertanggungjawab diberikan kepercayaan penuh dalam tadbir urus berkenaan KTW dan siasatan terhadap aduan yang diterima.; dan
- i) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana kakitangan JKKP yang terlibat dengan perlakuan rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan, berlandaskan undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasa.

IR. HAJI MOHD HATTA BIN ZAKARIA

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Tarikh: 6 September 2023